

28 JAN 2003

Ling-Barisan/I

BERI ABDULLAH PELUANG PILIH BARISAN ANGGOTANYA SENDIRI

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata adalah tidak salah untuk meminta wakil rakyat yang dilantik mengundurkan diri apabila pemimpin mereka bersara.

Ini akan memberikan pengganti pemimpinnya peluang untuk memilih barisan anggotanya sendiri, katanya.

"Saya selalu beritahu mereka (yang) saya lantik bahawa apabila saya bersara, mereka juga harus pergi dan memberi peluang kepada pengganti saya untuk memilih sama ada mereka atau orang lain," katanya.

"Jika saya lantik mereka, apabila saya melepaskan jawatan, mereka juga harus pergi dan biarkan pemimpin berikutnya memilih pasukannya sendiri," katanya.

Dr Ling diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lepas bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi harus diberi peluang untuk melantik muka baru.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa adalah baik jika wakil-wakil rakyat Umno menawarkan diri untuk berundur bagi membolehkan Abdullah, sebagai perdana menteri berikutnya, membentuk barisan anggotanya sendiri dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata demikian kepada pemberita selepas menemui wakil-wakil Dewan Perdagangan dan Industri Cina Bersatu Malaysia (ACCCIM) di pejabatnya, di sini, hari ini.

Dr Ling juga berkata bahawa Dr Mahathir berhak membuat saranan itu kerana ia adalah prerogatifnya.

Ketika ditanya sama ada beliau percaya saranan Perdana Menteri itu merupakan satu "isyarat" bagi anggota tertentu di dalam kerajaan supaya mereka mengundurkan diri, Dr Ling berkata "Saya tidak mahu membaca fikiran PM".

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa langkah itu memberi peluang kepada Abdullah untuk mengatur semula segala-galanya dan melantik calon pilihannya untuk menggantikan mereka yang memegang jawatan sejak sekian lama dan mereka yang telah dilantik oleh beliau.

Sementara itu, ketika mengulas isu yang sama, Pemuda MIC mahu pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak terlalu agresif dalam menangani isu mahukan pemimpin berundur secara sukarela kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada BN menjelang pilihan raya umum akan datang.

Bendahari pergerakan itu, P.Manivasagam berkata pemimpin BN sebaliknya harus menyuarakan hasrat mereka secara tertutup kepada Dr Mahathir selaku presiden BN atau kepada Abdullah dan bukannya melalui media massa.

"Jawatan-jawatan kerajaan dan juga pencalonan sebagai Anggota Parlimen ataupun ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) merupakan jawatan yang diberikan oleh pucuk pimpinan BN.

"Oleh itu, wajar sekiranya dimaklumkan kepada Perdana Menteri terlebih dahulu secara sulit dan bukannya melalui media massa," katanya.

-- BERNAMA

WNZ KHY NAK